

14/06/2001

Tiada permohonan rasmi Filipina minta sertai rundingan bebas tebusan

SEPANG, Rabu - Kerajaan Filipina tidak membuat sebarang permohonan rasmi meminta Malaysia turut sama dalam rundingan membebaskan 28 mangsa culik kumpulan Abu Sayyaf, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, tiada sebarang tanda-tanda rasmi bahawa pihak Filipina memerlukan bantuan Malaysia untuk menyelesaikan masalah tebusan itu.

Katanya, Presiden Gloria Macapagal Arroyo dalam perbincangan dengan Duta Malaysia di Manila, Datuk Mohamad Arshad Husin, juga menyatakan keyakinan kerajaannya untuk menyelesaikan masalah itu sendiri.

"Kita diberitahu bahawa mereka merasakan mampu menangani perkara itu mengikut cara mereka," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Kompleks Bunga Raya sebelum mengetuai "Penerbangan Kemanusiaan Ke Iraq" petang ini.

Beliau menjelaskan kekeliruan berhubung laporan agensi berita asing bahawa Manila meminta Malaysia membenarkan dua rakyatnya menjadi perantara dalam rundingan membebaskan tahanan seperti yang dituntut kumpulan Abu Sayyaf.

Kumpulan pemisah itu menamakan dua warga Malaysia iaitu bekas Senator, Datuk Sairin Karno dan ahli perniagaan, Yusof Hamdan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan menimbang permintaan Filipina itu dan tidak keberatan memenuhinya jika ia bukan satu masalah besar.

"Kita akan mengkajinya. Saya rasa jika ia tidak menimbulkan masalah yang besar, kita akan membenarkannya," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri itu, Syed Hamid berkata ia adalah jelas iaitu Malaysia akan menimbang permintaan rasmi Filipina dan akan menghulur bantuan jika perlu.

Bagaimanapun, katanya, perlu ada permohonan rasmi kerana Malaysia sentiasa patuh kepada prinsip Asean untuk tidak mencampuri urusan dalaman negara anggota.

"Dalam keadaan ini kita tidak boleh campur tangan atau kita memberi arahan kepada mana-mana rakyat Malaysia untuk campur tangan," katanya.

Ditanya apakah Malaysia akan membantu Filipina kerana tiada rakyat negara ini menjadi tebusan, Syed Hamid berkata Malaysia sedia menghulur bantuan walaupun ia tiada kepentingan langsung dalam sesuatu masalah itu.

"Malaysia sentiasa menghulur bantuan kepada negara lain dan memainkan peranan perunding, pengaman di mana saja di dunia ini apabila diminta kerana itu adalah sifat Malaysia," katanya.

(END)